

19 NOV 2002

Jamaluddin-Reaksi

PELANTIKAN SAYA SATU KEPERCAYAAN, KATA DR JAMALUDDIN

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB) Datuk Dr Jamaluddin Jarjis menyifatkan pelantikan beliau sebagai Menteri Kewangan II sebagai satu kepercayaan yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad.

Dalam satu kenyataan di sini, Dr Jamaluddin menyatakan perasaan terharunya atas pelantikan itu dan mengucapkan rasa terima kasih kepada Perdana Menteri.

Dr Jamaluddin turut berharap semua pihak dapat memberi kerjasama yang baik agar beliau dapat melaksanakan tugas dengan berkesan.

Pejabat Perdana Menteri hari ini mengumumkan pelantikan Dr Jamaluddin bersama-sama dengan dua yang lain iaitu Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Senator Datuk Zainuddin Maidin sebagai Timbalan Menteri Penerangan.

Sementara itu, Zainuddin menyifatkan pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri Penerangan sebagai satu pengiktirafan kepada kerjaya kewartawanan.

Bercakap kepada Bernama malam tadi, Zainuddin atau lebih dikenali sebagai Zam berkata, pengalamannya berkhidmat sebagai wartawan sebelum ini banyak membantu dan memudahkan kerja selama berkhidmat dengan kerajaan.

Menurutnya, pengalaman itu juga amat berguna sebagai garis panduan untuk beliau berhati-hati agar tidak melanggar tatasusila dan protokol kerajaan.

"Saya amat berterima kasih dengan kepercayaan ini dan menganggap ia sebagai satu pengiktirafan terhadap profesion wartawan. Juga kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana telah menilai perkhidmatan saya selama ini dan memberi kedudukan yang lebih penting kepada saya," katanya.

Zainuddin berkata beliau juga amat berhutang budi kepada Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang telah memberikan sepenuh kepercayaan kepadanya dalam mengambil sebarang tindakan bagi pihak kementerian dan amat berharap kerjasama erat itu dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.

"Selama saya berkhidmat dengan kementerian, Tan Sri (Khalil) telah memberikan kerjasama dan tunjuk ajar yang sangat berguna. Beliau banyak memberikan nasihat dan panduan, bersikap 'very diplomatic' dan 'very understanding'. Saya sangat menghargainya," katanya.

Beliau berkata pelantikan tersebut juga adalah satu cabaran buatnya agar memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan untuk memajukan kementerian ke tahap yang lebih cemerlang.

"Saya akan berusaha untuk memberikan yang terbaik, bukan sahaja untuk kementerian, tetapi juga untuk kerajaan khususnya," tambahnya.

-- BERNAMA

NN SOP AZH MOZ